

BAB 5

RUJUKAN DAN KATA HUBUNG DALAM BAHASA MELAYU

Bab ini khusus menghuraikan dua alat kohesif yang dianalisis dalam kajian ini iaitu **rujukan** dan **kata hubung**. Bab ini memberikan penerangan lebih lanjut dan terperinci terhadap dua alat tersebut yang disentuh secara umum dalam Bab 2, iaitu Tinjauan Kajian Berkaitan. Tujuan penghuraian ini dimasukkan ke dalam satu bab yang berasingan ialah kerana untuk menjelaskan sifat dan fungsi dua alat tersebut bagi dikaitkan dengan penganalisisan kohesi rujukan dan kata hubung yang terdapat pada Bab 6 dan 7.

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menghuraikan dua alat kohesif yang digunakan bagi mewujudkan kohesi dalam wacana berita yang dikaji. Kedua-dua alat tersebut ialah item rujukan dan kata hubung. Bahagian ini juga menyentuh kedua-dua item tersebut seperti yang terdapat dalam buku *Cohesion in English* (1976) oleh Halliday dan Hasan. Dalam bahagian ini juga dibincang item rujukan dan kata hubung dalam bahasa Melayu dengan merujuk kepada tiga (3) buah buku tatabahasa bahasa Melayu iaitu buku *Nahu Melayu Mutakhir* oleh Asmah Hj. Omar (1986), buku *Tatabahasa Dewan : Edisi Baharu* oleh Nik Sufiah Karim dll. (1993) dan *Nahu Melayu Moden* oleh Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994).


Bahagian kedua bab ini pula akan membentangkan analisis kuantitatif iaitu analisis taburan kekerapan yang telah dilakukan terhadap item rujukan dan kata hubung yang terdapat dalam 200 teks wacana berita dalam akhbar bahasa Melayu.

5.1

RUJUKAN

Kamus Inggeris Melayu Dewan (1992: 1310) mendefinisikan “refer” sebagai “seek information” atau “merujuk”. Oleh itu, prinsip rujukan di dalam teks adalah untuk memberitahu pembaca bahawa mereka dapat memahami maksud sesuatu perkataan atau ayat dengan sepenuhnya jika mereka melihat di bahagian lain dalam teks tersebut bagi mendapatkan kefahaman yang lengkap (Carter dll. 2001: 189).

Sehubungan dengan ini, Halliday dan Hasan (1976: 37-39), telah menggunakan terma **rujukan** apabila membicarakan peranan yang dimainkan oleh alat kohesif tersebut bagi mewujudkan tautan atau kohesi di dalam teks yakni dengan cara merujuk. Menurut mereka, item rujukan boleh merupakan rujukan endofora (rujukan textual) dan juga rujukan eksofora (rujukan situasi). Tautan rujukan dalam model Halliday dan Hasan, hanya bersifat endofora, iaitu anafora dan katafora, seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.1.



Halliday dan Hasan (1976: 33)

Rajah 5.1 : Arah Rujukan Halliday dan Hasan

Tautan rujukan dalam bahasa Inggeris sama ada anafora atau katafora dibahagikan kepada tiga (3) jenis, iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan seperti dalam Jadual 5.1 di bawah.

Jadual 5.1 : Jenis Rujukan Halliday dan Hasan

Jenis Rujukan	Contoh
Rujukan Diri	<i>I, you, we, he, him, she, they, them, one, mine, ours, his, their, its</i> dan lain-lain.
Rujukan Penunjuk	<i>This, these, that, those, here, there, the.</i>
Rujukan Perbandingan	<i>Same, similar, other, different, identically</i> dan lain-lain.

Rujukan diri ialah rujukan dengan menggunakan ganti nama diri, milik dan penentu milik terhadap sesuatu dengan menentukan fungsinya atau peranannya di dalam situasi penulisan dan pertuturan. Sistem rujukan ini dikenali sebagai diri atau orang. Rujukan penunjuk pula melibatkan penggunaan ganti nama penunjuk, kata sandang tentu (*definite article*) dan kata keterangan. Kesemua ini adalah satu bentuk “*verbal pointing*” dan menunjukkan jarak jauh-dekat sesuatu ayat yang terdapat di dalam teks. Apabila diletakkan dalam frasa nama, rujukan penunjuk dapat bersfungsi sebagai penentu. Rujukan perbandingan seperti yang dibayangkan oleh namanya, melibatkan perbandingan sesuatu. Ia boleh merupakan perbandingan di antara identiti persamaan atau perbezaan di antara sesuatu perkara,

dan dikenali sebagai rujukan perbandingan umum. Ia juga mungkin merupakan perbandingan di antara kuantiti atau kualiti sesuatu item, dan ini dikenali sebagai rujukan perbandingan khusus.

Rujukan diri ini biasanya menggunakan nama (orang atau benda) dan benda itu sendiri. Rujukan penunjuk pula biasanya untuk menentukan tempat atau sesuatu dengan menggunakan kata penunjuk, manakala rujukan perbandingan biasanya menggambarkan persamaan, perbezaan, pertentangan dan sifat-sifat lain daripada sesuatu (Syamsudin, 1992 : 88). Contoh item rujukan yang terdapat dalam model Halliday dan Hasan adalah seperti dalam Jadual 5.1.

Dalam bahasa Melayu, jika dilihat item rujukan ini ia dapat disamakan dengan penggunaan **kata ganti nama** yang terdapat pada ayat-ayat di dalam wacana. Ini kerana istilah rujukan ini tidak terdapat dalam mana-mana buku tatabahasa bahasa Melayu sebagai satu terma khas untuk penggolongan kata. Walau bagaimanapun untuk tujuan kajian ini pengkaji akan menggunakan istilah **rujukan** kerana istilah ini telah diterima umum oleh ahli-ahli bahasa apabila membuat kajian berhubung dengan kohesi berdasarkan pendekatan Halliday dan Hasan. Pengkaji juga akan membuat pembahagian seperti yang telah dilakukan oleh Halliday dan Hasan apabila menjeniskan item rujukan ini kepada tiga (3) iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan.

Dalam kajian ini, perbincangan terhadap item rujukan dalam bahasa Melayu dibuat dengan merujuk tiga buah buku tatabahasa iaitu buku *Nahu Melayu Mutakhir* karya Asmah Hj. Omar (1986), buku *Tatabahasa Dewan : Edisi*

Baharu oleh Nik Safiah Karim dll. (1993) dan *Nahu Melayu Moden* oleh Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994).

Berdasarkan buku *Tatabahasa Dewan*, (Nik Safiah dll., 1993: 104) **kata ganti nama** ialah perkataan yang menjadi pengganti pada kata nama khas dan kata nama am. Dalam buku ini, kata ganti nama dibahagikan kepada dua (2) subgolongan : kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk. Dalam buku *Nahu Melayu Mutakhir* **kata ganti nama** adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan ia dibahagikan kepada tiga (3) subgolongan : ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya (Asmah, 1986: 77). Liaw dan Abdullah (1994: 12) pula mentakrifkan **kata ganti nama** sebagai kata-kata yang menggantikan, menanyakan serta menunjukkan kata nama atau frasa nama di dalam ayat. **Kata ganti nama** ini dibahagikan kepada lima (5) subgolongan : kata ganti diri, kata ganti tanya, kata ganti tak tentu, kata ganti tunjuk dan kata ganti penghubung. Walaupun terdapat berbagai-bagai subgolongan **kata ganti nama** seperti yang telah dinyatakan, pengkaji hanya akan memilihnya untuk disesuaikan dengan pembahagian mengikut Halliday dan Hasan. Perbincangan seterusnya ialah terhadap tiga (3) jenis item rujukan iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan yang terdapat pada ketiga-tiga buku tatabahasa yang dirujuk dalam kajian ini.

5.1.1 Rujukan Diri

Sebelum ini, telah dinyatakan bahawa rujukan diri dinyatakan melalui penggunaan **ganti nama diri**. Di samping itu, ganti nama diri juga dipakai untuk menyatakan hubungan antara orang yang bercakap, orang yang dilawan bercakap

dengan orang atau benda yang dicakapkan (Liaw dan Abdullah, 1994: 13). Dalam tatabahasa, kata ganti nama yang menunjukkan orang yang bercakap itu disebut kata ganti nama orang pertama; kata ganti nama yang menunjukkan orang yang dilawan bercakap itu disebut kata ganti nama orang kedua; sedangkan orang atau benda yang dicakapkan itu disebut kata ganti nama orang ketiga.

Pembahagian **ganti nama diri** oleh Nik Safiah dll. (1993: 104) hanya kepada dua (2) golongan, iaitu kata ganti nama diri orang dan kata ganti nama diri tanya Kata ganti nama diri orang merujuk pada kata ganti nama diri orang pertama seperti **saya, aku, beta, patik, kami dan kita**; kata ganti nama diri orang kedua seperti **anda, engkau, awak, kamu dan saudara**, manakala kata ganti nama diri orang ketiga ialah **ia, dia, beliau, mereka dan -nya**. Kata ganti nama diri tanya merujuk pada orang iaitu **siapa**; benda atau perkara iaitu **apa** dan benda dan orang iaitu **mana**.

Asmah (1986: 79) membahagikan **ganti nama diri** kepada tiga (3) iaitu diri pertama, diri kedua dan diri ketiga. Tiap-tiap diri itu mempunyai bentuk mufrad (tunggal) dan jamak (ramai). Untuk diri pertama, **saya, patik, beta, aku** dan **ku** adalah berbentuk mufrad, manakala **kami** serta **kita** berbentuk jamak. Untuk diri kedua, **tuan, puan, anda, kamu, engkau, saudara** dan **kau** berbentuk mufrad, manakala **tuan-tuan, puan-puan, anda, dan kamu semua** berbentuk jamak. Untuk diri ketiga, **ia, dia, -nya** berbentuk mufrad dan **mereka** berbentuk jamak.

Ganti nama ia menurut Asmah (1987b: 110), sudah tidak digunakan dalam fungsi merujuk orang ketiga mufrad. Di tempatnya, digunakan **dia**. Dalam

bahasa Melayu am masa kini, ganti nama ia hanya terdapat dalam bahasa kesusasteraan. Walau bagaimanapun, dalam karangan saintifik, didapati penggunaan ia dihidupkan semula, bahkan sekarang ia amat ghairah digunakan. Hal ini mungkin disebabkan pengaruh daripada bahasa Inggeris di kalangan ahli-ahli sains dan akademik. Dalam bahasa tersebut terdapat ganti nama *it* yang boleh menggantikan apa sahaja dalam bentuk mufrad, kecuali manusia. Dengan itu, ia merupakan terjemahan langsung daripada *it*.

..

Ganti nama tanya menurut Asmah ialah kata yang menggantikan kata nama dalam pertanyaan. Ganti nama tanya mempunyai dua ciri khas, iaitu ciri ganti nama dan ciri pertanyaan. Dengan ciri ganti nama, kata dalam subgolongan ini boleh menggantikan kata nama atau kata bilangan. Dengan ciri pertanyaan, kata-kata ini digunakan dalam ayat pertanyaan. Contoh ganti nama tanya mengikut Asmah ialah perkataan **apa** yang menggantikan kata nama bukan manusia (iaitu binatang) dan kata nama tak bernyawa, **siapa** yang menggantikan kata nama manusia, (**yang**) **mana** menggantikan semua kata nama dan **berapa** yang menggantikan kata bilangan. Mengikut Asmah lagi, ciri pertanyaan pada ganti nama tanya gugur apabila kata-kata yang berkenaan digunakan dalam ayat berlapis. Contohnya:

- (1) Saya akui **apa** yang disyarahkannya itu betul.
- (2) Kami tidak kenal **siapa** orang itu.
- (3) Terlalu banyak barangnya sampai tidak tahu (**yang**) **mana** yang hendak dipilih.
- (4) Bapa tidak mengatakan **berapa** yang mesti dibeli.

Daripada contoh di atas, jelaslah mengikut Asmah ganti nama tanya tidak semestinya digunakan dalam bentuk tanya. Ia boleh terdapat pada ayat berlapis tanpa menggunakan tanda soal atau tanya.

Pembahagian kata **ganti nama diri** oleh Liaw dan Abdullah (1994: 13) adalah sama seperti yang dilakukan oleh Asmah tetapi contohnya sahaja yang berlainan. Untuk diri pertama, **saya** dan **aku** adalah berbentuk tunggal, manakala **kami** serta **kita** berbentuk jamak. Untuk diri kedua, **awak**, **kamu** dan **engkau** berbentuk mufrad, manakala **awak sekalian**, **kamu sekalian** dan **engkau sekalian** berbentuk jamak. Untuk diri ketiga, **ia**, **dia**, **-nya** berbentuk mufrad dan **mereka** berbentuk jamak.

Daripada data kajian, rujukan diri yang kerap ditemui dan digunakan untuk analisis kajian dapat di lihat dalam Jadual 5.2.

5.1.2 Rujukan Penunjuk

Rujukan penunjuk dinyatakan melalui penggunaan ganti nama penunjuk. **Kata ganti nama tunjuk** menurut Nik Safiah ialah kata nama yang berfungsi menunjuk sesuatu perkara atau benda. Terdapat hanya dua kata ganti nama tunjuk, iaitu **ini** untuk menunjuk pada yang dekat dan **itu** untuk menunjuk pada yang jauh.

Asmah juga sependapat dengan menyatakan bahawa **ganti nama penunjuk** adalah ganti nama yang menunjuk kepada rujukan berdasarkan ukuran

jarak. Contoh yang diberi juga sama iaitu **ini** untuk menunjuk pada yang dekat dengan orang yang bercakap dan **itu** jauh darinya. Selain daripada itu, menurut Asmah, (1976: 84) ganti nama **ini** dan **itu** boleh berfungsi pada subjek dan objek.

Contohnya:

- (1) **Ini** kerbau.
- (2) Jangan ambil **itu**.

Jadual 5.2 : Rujukan Dalam Bahasa Melayu (Berdasarkan Data Kajian)

	Jenis Rujukan	Contoh
Rujukan Diri	Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama	Saya, kita, kami
	Kata Ganti Nama Diri Orang Kedua	Kamu
	Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga	Dia, ia, beliau, mereka, -nya
	Kata Ganti Nama Diri Tanya	Apa, mana, siapa
Rujukan Penunjuk	Ukuran jarak dekat	Ini
	Ukuran jarak jauh	Itu
Rujukan Perbandingan	Perbandingan Persamaan dan Perbezaan	Lain
	Perbandingan Kuantiti dan Kualiti	Lebih, sama

Ganti nama penunjuk ini dan itu juga bertugas sebagai penutup frasa, maksudnya sesuatu frasa nama boleh ditambahkan secara terus menerus dengan kata nama atau sifat, tetapi penokokan ini tidak dapat diteruskan setelah diberi ini dan itu. Contohnya:

- (3) Zarina anak Mak Cik Bedah peniaga kain batik cap bunga itu.

Selain itu, ini dan itu juga boleh berfungsi sebagai penentu belakang yang hadir sesudah kata nama. Contohnya:

- (4) Jambatan lama ini akan dirobohkan pada minggu hadapan.
(5) Rancangan itu terpaksa dibatalkan kerana kurang mendapat sambutan.

Liaw dan Abdullah (1994: 22) menambah dua lagi contoh kata nama penunjuk, iaitu sini, situ dan sana (bagi tempat) dan begitu, begini serta demikian (bagi sifat). Menurut mereka lagi, antara ketiga golongan ganti nama penunjuk itu, hanya ini dan itu yang boleh dianggap sebagai ganti nama penunjuk tulen dan mempunyai ciri-ciri kata ganti yang cukup. Sini, situ dan sana ialah kata nama yang berfungsi sebagai kata keterangan bersama-sama kata depan di, dari dan ke. Sementara begini, begitu dan demikian mempunyai ciri kata keterangan.

Daripada data kajian, rujukan penunjuk yang sering ditemui dan digunakan untuk analisis kajian ini hanyalah ini dan itu seperti dinyatakan dalam Jadual 5.2.

5.1.3 Rujukan Perbandingan

Rujukan perbandingan tidak dijeniskan sebagai kata ganti nama dalam tatabahasa bahasa Melayu, baik oleh Nik Safiah, Asmah, atau Liaw dan Abdullah. Rujukan perbandingan ini dalam Halliday dan Hasan (1976) dinyatakan melalui kata adjektif dan kata keterangan dan berfungsi untuk membandingkan item dalam sebuah teks dari segi identiti atau persamaan.

Contoh rujukan perbandingan yang terdapat dalam bahasa Inggeris ialah *same, equal, identical, such, similar, other, different, else, so, many, better* dan *equally*. Kebanyakan daripada contoh ini jarang digunakan dalam bahasa Melayu. Contoh yang terdapat daripada data kajian ialah **lain, lebih** dan **sama** seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 5.2

5.2 KATA HUBUNG

Ramai sarjana bersepakat bahawa fungsi kata hubung ialah untuk menghubungkan unit-unit wacana. Kata hubung digunakan sebagai penghubung di antara komponen dalam sesuatu teks (Halliday dan Hasan, 1976: 321), “to relate utterances to each other, or to mark a boundary in the discourse” (Stubbs, 1983: 68) dan “to relate messages to one another on the message group rank” (Martin, 1981: 311, dipetik daripada Ventola 1987: 164).

Dalam Halliday dan Hasan (1976), didapati kecenderungan untuk memberikan satuuraian umum terhadap hubungan kata hubung (*conjunctive relations*) yang berfungsi dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, apa yang dikatakan sebagai ‘komponen sesuatu teks’ mungkin yang dihubungkan oleh kata hubung, tidak dibincangkan dengan jelas. Walau bagaimanapun, di beberapa bahagian dalam Halliday dan Hasan (1976), pembaca dapat menemui cadangan tentang apa kemungkinannya komponen tersebut. Sebagai contoh, penggunaan kata hubung **dan** dikatakan boleh wujud dalam cereka naratif “... at the boundry of dialogue and narrative” (Halliday dan Hasan, 1976: 235).

Dalam bahasa Inggeris, menurut Halliday dan Hasan terdapat empat jenis kata hubung seperti berikut :

- 1) Kata Hubung Tambahan (*Additive*) : *and, or, furthermore, besides, for instance, similarly* dan sebagainya.
- 2) Kata Hubung Tentangan (*Adversative*) : *yet, only, but, however, instead, at least, anyhow* dan sebagainya.
- 3) Kata Hubung Sebab-Musabab (*Causal*): *so, therefore, hence, as a result, for, because* dan sebagainya.
- 4) Kata Hubung Waktu (*Temporal*) : *then, next, finally, soon, first ...next, briefly* dan sebagainya.

Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa cara untuk menghubungkan frasa, klausa dan ayat dalam sesuatu ayat atau di antara ayat dalam sesuatu wacana bagi mewujudkan tautan. Salah satu daripada cara tersebut ialah dengan menggunakan kata hubung. Berikut diberikan penerangan tentang kata hubung yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Menurut Nik Safiah dll. (1993: 239), “kata penyambung ayat ialah **kata hubung**, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk”. Beliau telah membahagikan kata hubung kepada dua jenis iaitu kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan.

Kata hubung gabungan dimaksudkan sebagai jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya. Ayat yang terbentuk.. hasil daripada penggunaan kata hubung ini dikenali sebagai ayat majmuk gabungan. Contoh kata hubung gabungan ialah **dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil dan kemudian**.

Kata hubung pancangan pula ialah sejenis kata hubung yang menyambung klausa-klausa tak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau klausa induk. Kata hubung pancangan boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu :

- 1) **kata hubung pancangan relatif**
- 2) **kata hubung pancangan komplemen**
- 3) **kata hubung pancangan keterangan**

Kata hubung pancangan relatif atau ringkasnya kata relatif ialah kata yang berfungsi menghubungkan klausa utama dengan satu klausa kecil yang lain. Contoh kata hubung jenis ini ialah **yang**.

Kata hubung pancangan komplemen atau ringkasnya kata komplemen ialah kata yang berfungsi menghubungkan satu klausa yang menjadi

komplemen atau pelengkap pada satu klausa utama. Contoh kata komplemen yang sering digunakan ialah **bahawa** dan **untuk**.

Kata hubung pancangan keterangan atau ringkasnya kata keterangan ialah kata yang berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada satu klausa utama. Beberapa contoh kata hubung jenis ini ialah **kerana, sekiranya, kalau, hingga, ketika, walaupun, jika, setelah, supaya, untuk, apabila** dan sebagainya.

Menurut Asmah, (1986: 193), yang dimaksudkan dengan **kata penghubung** ialah “kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa”. Beliau membahagikan **kata hubung** kepada dua (2) jenis berdasarkan jenis klausa yang dihubungnya, iaitu **kata penghubung setara** dan **kata penghubung tak setara**.

Kata penghubung setara menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya. Contohnya ialah **dan, tetapi, atau, serta, manakala** dan sebagainya. Kata penghubung tak setara adalah kata penghubung yang terdapat pada klausa subordinat yang berfungsi dalam ayat induk. Contoh kata penghubung jenis ini ialah **apabila, ketika, pada masa, selama, hingga, semenjak, sebab, kerana, agar, supaya, untuk, jika, kalau, sungguhpun, walaupun, yang, bahawa** dan sebagainya.

Liaw dan Abdullah (1994) menggunakan istilah **kata penghubung** dan menghuraikannya sebagai perkataan yang digunakan untuk menghubung atau menyambung perkataan yang setaraf, kata dengan kata/frasa, frasa dengan frasa dan

ayat dengan ayat. Mereka juga seperti Asmah, membahagikan kata penghubung kepada dua (2) golongan, iaitu kata penghubung setara dan kata penghubung tak setara. Menurut Liaw dan Abdullah, kata-kata yang disambung oleh kata penghubung setara mestilah kata-kata yang termasuk dalam satu golongan kata yang sama, iaitu kata nama dengan kata nama, kata kerja dengan kata kerja, kata adjektif dengan kata adjektif dan kata keterangan dengan kata keterangan. Kata penghubung setara yang penting ialah **dan, serta, atau, tetapi, melainkan, kecuali, sambil** dan lalu.

Liaw dan Abdullah telah membahagikan kata penghubung tak setara kepada enam (6) golongan berdasarkan maknanya seperti kata penghubung waktu, sebab/akibat, tujuan, syarat, tolak ansur dan relatif. Antara contoh kata penghubung tak setara secara umum ialah **apabila, sebab, agar, jika, walaupun, yang, bahawa** dan sebagainya.

Daripada data kajian, kata hubung yang sering ditemui dan digunakan untuk analisis kajian ini dibahagikan mengikut penjenisan yang dilakukan oleh Halliday dan Hasan (1976). Penjenisan ini adalah hasil daripada gabungan beberapa jenis kata hubung dalam bahasa Melayu yang telah dibincangkan di atas. Walau bagaimanapun terdapat penambahan empat (4) jenis kata hubung dalam bahasa Melayu yang tidak terdapat dalam model Halliday dan Hasan. Kata-kata hubung tersebut ialah kata hubung tujuan, kata hubung syarat, kata hubung relatif dan kata hubung komplemen. Penjenisan kata hubung dalam bahasa Melayu yang terdapat dalam kajian ini disenaraikan dalam Jadual 5.3.

Jadual 5.3 : Kata Hubung Dalam Bahasa Melayu**(Berdasarkan Data Kajian)**

Jenis Kata Hubung	Contoh
Kata Hubung Tambahan	Dan, atau, serta
Kata Hubung Tentangan	Tetapi, walaupun
Kata Hubung Sebab-Musabab	Kerana
Kata Hubung Tujuan	Untuk, supaya, agar
Kata Hubung Waktu	Lalu, kemudian, sambil, apabila, sementara, setelah, selepas
Kata Hubung Syarat	Jika, kalau
Kata Hubung Relatif	Yang
Kata Hubung Komplemen	Bahawa

Setiap kata hubung yang terdapat dalam kajian ini mempunyai fungsi tertentu dan fungsi ini perlu diketahui kerana ia berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh item ini sebagai alat kohesif bagi mewujudkan tautan dalam wacana berita. Keterangan tentang setiap kata hubung yang dikaji diuraikan mengikut Asmah (1986: 193-205) kerana Asmah memberikan huraian yang mendalam pada setiap kata hubung tersebut seperti berikut :

- 1) Dan : Kata penghubung **dan** menggandingkan dua unsur seperti subjek dengan subjek, predikat dengan predikat dan objek dengan objek. Ia berfungsi sebagai penyambung dua ayat.

- 2) Atau : Kata penghubung **atau** menyatakan pilihan antara dua proposisi, jika bukan x, maka y. **Atau** dapat menghubungkan dua subjek, predikat, objek atau kata keterangan.
- 3) Serta : Kata penghubung **serta** boleh bertukar ganti dengan **sambil**. **Serta** mempunyai komponen makna **+dan, +waktu**. Ia mempunyai persamaan dengan **dan** dalam ertikata salah satu komponen maknanya ialah **+dan**, tetapi di samping itu berbeza dengan **dan** kerana **dan** tidak mempunyai komponen waktu. **Serta** menghubungkan klausa pada bahagian predikatnya sahaja.
- 4) Tetapi : Kata penghubung **tetapi** mempunyai komponen makna perlawanan kerana **tetapi** menggandingkan dua proposisi yang berlainan di antara satu sama lain. **Tetapi** menghubungkan keseluruhan dua klausa atau dua predikat. Ada kalanya, dalam penggandingan dua klausa tersebut, terdapat penghilangan kata-kata dalam gatra tertentu seperti penghilangan predikat.
- 5) Walaupun : Kata penghubung **walaupun** merupakan kata penghubung tolak ansur tak setara.
- 6) Untuk, Supaya, Agar : Kata penghubung **untuk, supaya dan agar** berfungsi sebagai penghubung tujuan.

- 7) Kerana : Kata penghubung **kerana** berfungsi sebagai pemberi sebab berlakunya sesuatu perkara itu.
- 8) Lalu, Kemudian, Sambil, Apabila, Sementara, Setelah, Selepas :
Kata penghubung **lalu**, **kemudian**, **sambil**, **apabila**, **sementara**, **setelah**, dan **selepas** berfungsi sebagai penghubung waktu berlakunya sesuatu peristiwa.
- 9) Jika, Kalau : Kata penghubung **jika** dan **kalau** berfungsi sebagai menyatakan syarat .
- 10) Yang : Kata relatif **yang** berfungsi sebagai keterangan kepada salah satu unsur dalam ayat induk, yakni subjek, objek atau predikat nama, tegasnya unsur yang terdiri daripada kata atau frasa nama.
- 11) Bahawa : Kata komplemen **bahawa** berfungsi menghubungkan satu klausa yang menjadi komplemen atau pelengkap pada satu klausa utama.

Analisis data yang dibincangkan dalam bahagian ini dibuat berdasarkan analisis taburan kekerapan. Jumlah perkataan yang terdapat dalam data yang dianalisis ini ialah sebanyak 91,354 patah perkataan. Teks itu dianalisis dari segi taburan kekerapan dua (2) alat kohesif yang dikaji iaitu item rujukan dan item kata hubung dengan menggunakan pendekatan "*corpus-based approach*". Sebelum dikemukakan analisis data, diberikan dahulu formula yang digunakan untuk mendapatkan peratus taburan kekerapan seperti berikut :

$$\frac{\text{Jumlah kekerapan perkataan (type)}}{\text{Jumlah keseluruhan perkataan (token)}} \times 100$$

Contoh : Peratus kekerapan rujukan diri orang ialah :

$$\frac{3034}{91354} \times 100 = 3.32\%$$

Di dalam bahagian ini seterusnya akan dibentangkan hasil kajian mengikut urutan rujukan iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan.

5.3.1 Analisis Rujukan

Dalam analisis ini, taburan kekerapan telah dilakukan terhadap tiga (3) jenis rujukan iaitu rujukan diri, rujukan penunjuk dan rujukan perbandingan. Perbincangan terhadap analisis rujukan adalah menurut urutan penjenisan tersebut.

5.3.1.1 Analisis Rujukan Diri

Daripada data yang dikaji, **analisis rujukan diri** terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu rujukan diri orang dan rujukan diri tanya. Merujuk pada Jadual 5.4 yang membentangkan ringkasan alat kohesif rujukan diri dalam teks, didapati rujukan diri orang (3.32 peratus) lebih dominan daripada rujukan diri tanya (0.48 peratus). Keseluruhan taburan kekerapan kehadiran alat kohesif rujukan diri ialah sebanyak 3,473 atau 3.81 peratus.

Daripada Jadual 5.4 didapati bagi **rujukan diri orang**, kata ganti nama diri orang ketiga paling kerap ditemui iaitu sebanyak 2069 atau 2.27 peratus. Ini diikuti oleh kata ganti nama diri orang pertama iaitu sebanyak 955 atau 1.04 peratus dan kata ganti nama orang kedua paling kurang ditemui iaitu sebanyak 10 atau 0.01 peratus.

Analisis terhadap **kata ganti nama diri orang** pertama mendapati item kata ganti nama diri **kita** paling kerap ditemui iaitu sebanyak 598 atau 0.65 peratus. Item ini juga merupakan item yang kedua tinggi taburan kekerapannya dalam keseluruhan kategori rujukan diri orang. Item kata ganti nama diri **kami**

merupakan item yang paling kurang ditemui iaitu sebanyak 46 atau 0.05 peratus. Item ini juga merupakan item yang kedua paling kurang taburan kekerapannya dalam keseluruhan kategori rujukan diri orang.

Jadual 5.4 : Taburan Kekerapan Rujukan Diri

Jenis Rujukan Diri	Item	Jumlah	Peratus
<u>Rujukan Diri Orang</u>	..	598	0.65
Ganti Nama Diri Orang Pertama	Kita	311	0.34
	Saya	46	0.05
Ganti Nama Diri Orang Kedua	Kamu	10	0.01
Ganti Nama Diri Orang Ketiga	Beliau	717	0.80
	Mereka	530	0.58
	-Nya	431	0.47
	Ia	271	0.30
	Dia	120	0.13
<u>Rujukan Diri Tanya</u>			
Merujuk Benda/Perkara	Apa	245	0.27
Merujuk Orang/Benda	Mana	174	0.19
Merujuk Orang	Siapa	20	0.02
Jumlah		3473	3.81

Item kata ganti nama diri **kita** paling kerap ditemui kerana dalam wacana politik, didapati pemimpin negara sering menggunakan kata ganti nama diri **kita** ketika menyatakan sesuatu pendapat dan pandangan. Tujuannya ialah untuk

menggambarkan pandangan secara kolektif, iaitu pandangan itu bukan merupakan pandangan diri si penutur itu sahaja tetapi juga pihak-pihak lain yang turut bertanggungjawab dalam sesuatu perkara yang diperkatakan. Berhubung dengan penggunaan kata ganti nama diri kita ini Eriyanto berpendapat,

Dalam mengungkapkan sikapnya, seseorang dapat menggunakan kata ganti "saya" atau "kami" yang menggambarkan bahawa sikap tersebut merupakan sikap resmi komunikator semata-mata. Akan tetapi, ketika memakai kata ganti "kita" menjadikan sikap tersebut sebagai representasi dari sikap bersama dalam suatu komunitas tertentu. Batas antara komunikator dengan khalayak dengan sengaja dihilangkan untuk menunjukkan apa yang menjadi sikap komunikator juga menjadi sikap komunitas secara keseluruhan. Pemakaian kata ganti yang jamak seperti "kita" (atau "kami") mempunyai implikasi menumbuhkan solidaritas, aliansi, perhatian publik, serta mengurangi kritik dan oposisi (hanya) kepada diri sendiri.

(Eriyanto, 2001: 254)

Daripada pandangan Eriyanto tersebut, jelas adalah lebih baik menggunakan kata ganti nama diri **kita** apabila memberikan pernyataan kerana ia dapat mengelakkan si komunikator daripada menerima tentangan daripada si pendengar kerana pernyataan tersebut merupakan pandangan bersama. Dengan itu, didapati kata ganti nama diri **kita** lebih kerap digunakan berbanding dengan kata ganti nama diri **saya**. Contoh penggunaan **kita** adalah seperti berikut:

(1) TB 177

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dilaporkan berkata, kerajaan tahu kumpulan itu pergi ke negara jiran memaklumkan mahu melakukan rusuhan untuk menggulingkan kerajaan.

"**Kita** tahu mereka sudah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti negara jiran ini, jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan.

(2) TU 085

Harun yang dihubungi menambah, adalah terlalu awal untuk **Suhakam** mengambil tindakan susulan kerana “kita perlu lihat sama ada boleh atau tidak untuk tindakan lanjut diambil.”

Item kata ganti nama diri **kami** yang bersifat jamak paling kurang ditemui berbanding dengan kata ganti nama diri orang pertama **saya** (311 atau 0.34 peratus). Hal ini disebabkan kebanyakan pernyataan yang dikeluarkan dalam wacana politik yang dikaji merupakan pendapat diri perseorangan (ahli-ahli politik), oleh itu kata ganti nama diri orang pertama **saya** digunakan. **Kami** dalam wacana yang dikaji merujuk kepada manusia dan juga parti yang mewakili manusia. Contoh penggunaan **kami** adalah dalam ayat berikut :

(3) TU 077 (Contoh penggunaan **kami** untuk manusia dan parti)

“**Kami** sentiasa bersetuju diadakan perbincangan secara akademik oleh mereka yang ahli. Cadangan itu telah **kami** kemukakan sejak beberapa tahun yang lalu,” ujar **Abdul Hadi**.

Beliau berpendapat muzakarah adalah sebaik-baik jalan penyelesaian mengakhiri isu yang berlarutan sejak 20 tahun lalu.

Abdul Hadi menyatakan demikian ketika diminta mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa Pas sedia bermuzakarah dengan UMNO mengenai amanat itu.

Analisis terhadap kata ganti nama diri orang ketiga mendapati item kata ganti nama diri **beliau** paling kerap ditemui iaitu sejumlah 717 atau 0.80 peratus. Item ini juga merupakan item yang paling tinggi taburan kekerapannya dalam keseluruhan kategori rujukan diri orang, manakala item kata ganti nama diri **dia** merupakan item yang paling kurang ditemui iaitu sebanyak 120 atau 0.13 peratus. Item ini juga merupakan item yang ketiga paling kurang taburan kekerapannya dalam keseluruhan kategori rujukan diri orang.

Penggunaan **beliau** dengan kekerapan yang paling tinggi ini adalah disebabkan data kajian merupakan teks politik yang banyak memaparkan berita politik yang membabitkan ahli-ahli politik yang terdiri daripada pemimpin negara. Adalah tidak wajar menggunakan kata ganti nama diri **dia** apabila merujuk kepada individu yang dihormati dan terkenal. Mengikut Asmah (1986: 79), ganti nama biasa dalam konteks sosiolinguistik boleh dibahagikan kepada tiga (3) subgolongan: hormat, neutral dan kasar/intim. Mengikut penggolongan ini, kata ganti nama **beliau** telah diletakkan dalam subgolongan hormat, manakala kata ganti nama **dia** diletakkan dalam subgolongan neutral dan kasar/intim. Intim dalam konteks ini dimaksudkan sebagai individu yang mempunyai hubungan yang rapat dengan seseorang. Dengan itu, **dia** kurang digunakan dalam korpus data yang dikaji. Dalam korpus data, **beliau** digunakan untuk merujuk frasa nama seperti Perdana Menteri, pemimpin UMNO, individu berjawatan tinggi dalam kerajaan, hakim, nama khas seperti nama orang yang berpengaruh dan sebagainya. Contoh penggunaan **beliau** adalah seperti berikut:

(4) TU 025 (Contoh penggunaan **beliau** untuk Pemimpin UMNO)

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pertemuan yang bersejarah itu akan disertai oleh presiden kedua-dua parti selain enam wakil yang berkonsepkan bersemuka dan terbuka.

Bagaimanapun **beliau** berkata, masa, tempat dan format pertemuan akan ditentukan kemudian oleh kedua-dua parti.

(5) TB 125 (Contoh penggunaan **beliau** untuk individu berjawatan tinggi dalam kerajaan)

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang mengesahkan menerima surat daripada istana Kelantan berkata, **beliau** tidak perlu menjawab surat itu kerana kandungannya adalah ulangan surat terdahulu.

(6) TU 024 (Contoh penggunaan **beliau** untuk hakim)

Hakim Siti Mariah dalam penghakimannya berkata, pihak pembela gagal menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes tersebut.

Beliau berkata, tertuduh yang merupakan seorang ahli politik yang terkenal, berpengalaman serta pintar berpidato, mengucapkan kata-kata seperti dalam pertuduhan, dalam suasana kempen pilrik di hadapan khalayak yang majoritinya kaum Cina – adalah mempunyai kecenderungan menghasut.

(7) TB 115 (Contoh penggunaan **beliau** untuk nama khas)

Samsudin dilantik Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 15 Disember 1998. Sebelum itu, **beliau** ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri sejak 8 September 1996.

Item **dia** paling kurang taburan kekerapannya dalam wacana berita berbanding dengan penggunaan **beliau** kerana kebanyakan individu yang diperkatakan dalam wacana berita yang dikaji merupakan ahli-ahli politik, oleh itu adalah tidak wajar menggunakan **dia** untuk rujukan kepada individu tersebut. Dalam wacana berita yang dikaji, didapati penggunaan **dia** bukan sahaja merujuk kepada manusia tetapi **dia** juga merujuk kepada parti politik yang sebenarnya mewakili manusia serta merujuk kepada kata nama am. Contoh penggunaan **dia** adalah seperti berikut:

(8) TU 048 (Contoh penggunaan **dia** untuk manusia)

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Meor Chek Hussein Mahyuddin berkata, **Ezam** yang ditangkap semalam, masih ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Dang Wangi.

“**Dia** akan dibawa ke mahkamah esok untuk direman sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan siasatan terhadapnya hari ini,” ujar **beliau** semasa dihubungi.

(9) TU 057 (Contoh penggunaan **dia** untuk parti politik)

Sebab itulah, tambah Dr. Mahathir, **parti pembangkang** sekarang begitu ghairah sekali untuk menunjukkan simpati kepada orang miskin.

"**Dia (pembangkang)** tumpu kepada orang miskin dan kawasan setinggan, menghasut orang miskin supaya membuat bantahan kononnya tengoklah kerajaan itu tidak memperdulikan nasib orang miskin.

(10) TB 125 (Contoh penggunaan **dia** untuk kata nama am)

"Soalannya ada tiga, tetapi **dia (Istana)** hanya bagi (edarkan) satu ... itu yang kita panggil sebagai 'half truth' (sebahagian daripada kebenaran) seperti mana disebut Annual Bakhri (Setiausaha Politik Menteri Besar), katanya.

Analisis terhadap kata ganti nama diri orang kedua mendapati item kata ganti nama diri **kamu** merupakan item yang paling kurang taburan kekerapannya untuk keseluruhan rujukan diri orang. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya petikan cakap ajuk yang menggambarkan perbualan di antara dua orang individu. Contoh penggunaan **kamu** dalam ayat berikut terdapat dalam pertuduhan terhadap Ketua Pemuda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) iaitu Mohamad Ezam Mohd Nor.

(11) TB 152

Mengikut kertas pertuduhan, perkataan yang menghasut itu ialah:

- Bahawa **kamu** menyatakan **kamu** mengaku akan mengadakan demonstrasi setiap hari bukannya setiap minggu apabila tiba masa dan ketikanya;
- Bahawa **kamu** menyatakan penggulingan kerajaan dengan demonstrasi jalanan adalah perkara biasa bagi negara yang mengamalkan demokrasi, perkara itu tidak perlu dimomokkan dan **kamu** memang nak ubah kerajaan.

Daripada Jadual 5.4 didapati bagi **rujukan diri tanya**, kata ganti nama diri tanya **apa** paling kerap ditemui iaitu sebanyak 245 atau 0.27 peratus. Ini diikuti oleh kata ganti nama diri tanya **mana** iaitu sebanyak 174 atau 0.19 peratus dan kata ganti nama diri tanya **siapa** paling kurang ditemui iaitu sebanyak 20 atau 0.02 peratus.

Merujuk jenis rujukan yang merujuk pada benda/perkara, item kata ganti nama diri tanya **apa** paling kerap ditemui adalah disebabkan bagi memenuhi keperluan penulisan laporan berita iaitu untuk mengetahui apa yang berlaku. Dengan itu **apa** sering digunakan bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Contoh penggunaan **apa** adalah dalam ayat berikut :

(12) TB 199

“Perlukah kita membuat pinjaman, **apakah** beban dan kesannya kepada parti dan anggotanya. **Apakah** sebenarnya yang hendak kita ambil alih? Semua ini saya tidak tahu,” katanya.

Merujuk jenis rujukan yang merujuk pada orang, item kata ganti nama diri tanya **siapa** paling kurang ditemui adalah disebabkan dalam penulisan berita, **siapa** tidak perlu ada jika kejadian itu tidak melibatkan sebarang orang. Dengan itu penggunaan kata ganti nama diri tanya **siapa** adalah terhad penggunaanya kepada kejadian yang melibatkan individu tertentu. Contoh penggunaan **siapa** adalah dalam ayat berikut :

(13) TU 040

“Ini kerana tiada **siapa** boleh melebihi undang-undang termasuk sistem yang sedia ada,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan

Mengenai Perubatan Trafik dan Sukan Bermotor di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di sini hari ini.

5.3.1.2 **Analisis Rujukan Penunjuk**

Merujuk pada Jadual 5.5 yang membentangkan ringkasan alat kohesif rujukan penunjuk dalam teks, didapati terdapat dua (2) jenis rujukan penunjuk berdasarkan jarak yang dikira dari orang yang bercakap iaitu ukuran jarak dekat dan ukuran jarak jauh.

Jadual 5.5 : Taburan Kekerapan Rujukan Penunjuk

Jenis Rujukan Penunjuk	Item	Jumlah	Peratus
Ukuran Jarak Dekat	Ini	1030	1.13
Ukuran Jarak Jauh	Itu	1835	2.01
Jumlah		2865	3.14

Daripada kedua-dua jenis rujukan penunjuk ini, didapati rujukan berdasarkan ukuran jarak jauh adalah lebih tinggi peratusan penggunaannya iaitu sebanyak 1835 atau 2.01 peratus berbanding dengan ukuran jarak dekat iaitu 1030 atau 1.13 peratus. Ini menunjukkan ganti nama penunjuk jarak jauh itu lebih kerap digunakan daripada ganti nama penunjuk ini iaitu sejumlah 1835 atau 2.01 peratus. Ganti nama penunjuk ini merupakan rujukan yang paling kurang ditemui

iaitu sejumlah 1030 atau 1.13 dalam jenis rujukan penunjuk. Keseluruhan taburan kekerapan kehadiran alat kohesif rujukan penunjuk ialah sebanyak 2865 atau 3.14 peratus.

Merujuk pada rujukan penunjuk, ganti nama penunjuk jarak jauh itu lebih kerap digunakan daripada ganti nama penunjuk jarak dekat ini adalah kerana apa yang dilaporkan dalam akhbar merupakan peristiwa-peristiwa yang tidak ada hubungan dengan pemberita atau pelapor dan juga yang sudah pun berlaku. Oleh kerana itu, dalam berita ganti nama itu lebih sesuai digunakan, kecuali apabila pemberita memetik dalam bentuk cakap ajuk ucapan seseorang yang menggunakan kata ini dalam merujuk kepada sesuatu yang dekat dengannya (Asmah, 1987: 56). Contoh penggunaan itu dan ini adalah seperti dalam ayat berikut :

(14) TB 169

Berikutnya itu, beliau menyerahkan surat perletakan jawatannya sebagai Adun kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

(15) TU 068

“Malah Biro Agama UMNO sudah berkali-kali menyatakan bersedia untuk bermuzakarah mengenai isu ini, tetapi hingga sekarang belum mendapat jawapan daripada Abdul Hadi,” katanya di sini hari ini.

5.3.1.3 **Analisis Rujukan Perbandingan**

Jadual 5.6 membentangkan ringkasan alat kohesif rujukan perbandingan dalam teks dan didapati terdapat dua (2) jenis rujukan perbandingan iaitu perbandingan persamaan dan perbezaan serta perbandingan kuantiti dan kualiti.

Daripada kedua-dua jenis rujukan perbandingan tersebut, didapati rujukan perbandingan kuantiti dan kualiti adalah lebih tinggi kekerapannya iaitu sebanyak 404 atau 0.44 peratus berbanding dengan rujukan perbandingan persamaan dan perbezaan iaitu sebanyak 236 atau 0.26 peratus. Keseluruhan taburan kekerapan kehadiran alat kohesif rujukan perbandingan ialah sebanyak 640 atau 0.70 peratus.

Jadual 5.6 : Taburan Kekerapan Rujukan Perbandingan

Jenis Rujukan Perbandingan	Contoh	Jumlah	Peratus
Perbandingan Persamaan dan Perbezaan	Lain	236	0.26
Perbandingan Kuantiti dan Kualiti	Lebih	173	0.19
	Sama	231	0.25
Jumlah		640	0.70

Daripada kedua-dua jenis rujukan perbandingan ini, didapati item rujukan **lain** adalah tertinggi peratusan penggunaannya iaitu sebanyak 236 atau 0.26 peratus berbanding dengan item rujukan **sama** iaitu 231 atau 0.25 peratus. Item rujukan **lebih** pula adalah yang terendah peratusannya iaitu sebanyak 173 atau 0.19 peratus. Contoh penggunaan **lain** dan **lebih** adalah seperti dalam ayat berikut :

(16) TU 015

Kemelut antara istana dan kerajaan negeri berhubung isu permohonan tanah semakin mengelirukan hari ini apabila kedua-dua pihak mengeluarkan kenyataan bercanggah antara satu sama lain.

(17) TB 155

Perdana Menteri berkata, UMNO sedia menerima apa juga pendirian parti pembangkang itu, yang sebelum ini menyatakan mereka lebih mengutamakan kepentingan nasional daripada kepentingan Melayu dan tidak ingin bertemu.

5.3.2 **Analisis Kata Hubung**

Dalam analisis ini, taburan kekerapan telah dilakukan terhadap lapan (8) jenis kata hubung iaitu kata hubung tambahan, kata hubung tentangan, kata hubung sebab-musabab, kata hubung tujuan, kata hubung waktu, kata hubung syarat, kata hubung relatif dan kata hubung komplemen. Merujuk pada Jadual 5.7 yang membentangkan ringkasan alat kohesif kata hubung dalam teks, didapati kata hubung tambahan (2.32 peratus) lebih dominan daripada keseluruhan kata hubung yang ditemui. Keseluruhan taburan kekerapan kata hubung ialah sebanyak 6948 atau 7.60 peratus. Perbincangan terhadap analisis kata hubung adalah menurut urutan penjenisan tersebut.

Jadual 5.7 : Taburan Kekerapan Kata Hubung

Jenis Kata Hubung	Contoh	Jumlah	Peratus
Kata Hubung Tambahan	Dan Atau Serta	1762 223 138	1.93 0.24 0.15
Kata Hubung Tentangan	Tetapi Walaupun	200. 94	0.22 0.10
Kata Hubung Sebab-Musabab	Kerana	392	0.43
Kata Hubung Tujuan	Untuk Supaya Agar	734 179 42	0.80 0.20 0.05
Kata Hubung Waktu	Selepas Lalu Apabila Sementara Sambil Kemudian Setelah	210 165 124 93 34 31 27	0.23 0.18 0.14 0.10 0.04 0.03 0.03
Kata Hubung Syarat	Jika Kalau	188 91	0.21 0.10
Kata Hubung Relatif	Yang	2038	2.23
Kata Hubung Komplemen	Bahawa	171	0.19
Jumlah		6936	7.60

Daripada Jadual 5.7, analisis taburan kekerapan kata hubung tambahan menunjukkan kata hubung **dan** paling kerap ditemui iaitu sejumlah 1762 atau 1.93 peratus. Item ini juga merupakan item yang kedua tinggi taburan kekerapannya dalam keseluruhan kategori kata hubung, manakala kata hubung serta paling kurang ditemui iaitu sejumlah 138 atau 0.15 peratus.

Item kata hubung **dan** paling kerap ditemui kerana kata hubung ini mempunyai fungsi yang luas iaitu menggandingkan dua unsur iaitu klausa dengan klausa juga antara subjek dengan subjek dan predikat dengan predikat. Ayat yang terhasil daripada gabungan ini ialah ayat majmuk gabungan (Nik Safiah dll., 1993). Contoh penggunaan **dan** terdapat dalam ayat berikut:

(18) TU 095 (Contoh penggunaan **dan** dalam penggandingan dua kluasa)

Selain itu, beliau menambah, siasatan ke atas tahanan ISA itu akan dijalankan selama 60 hari **dan** apabila siasatan selesai polis akan membentangkan kes setiap seorang untuk pertimbangan Kementerian Dalam Negeri.

(19) TB 146 (Contoh penggunaan **dan** dalam penggandingan dua subjek)

Pemimpin politik, Menteri Kabinet **dan** **Badan Bukan Kerajaan (NGO)** menyifatkan cadangan mengadakan demonstrasi jalanan itu bukan sahaja akan memecahbelahkan perpaduan sedia ada malah boleh membawa kepada pertumpahan darah.

(20) TU 005 (Contoh penggunaan **dan** dalam penggandingan dua predikat)

Mesyuarat khas itu dihadiri oleh semua anggota jawatankuasa tertinggi itu **dan** beberapa wakil rakyat Pas kecuali Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Item kata hubung **serta** paling kurang ditemui kerana kata hubung ini mempunyai persamaan dengan **dan** dalam erti kata salah satu komponen maknanya ialah + **dan** tetapi di samping itu berbeza dengan **dan** kerana **dan** tidak mempunyai komponen waktu. **Serta** hanya menghubungkan klausa pada predikatnya sahaja dan tidak pada subjek. Memandangkan **serta** mempunyai persamaan dengan **dan**, oleh itu **dan** lebih banyak digunakan kerana ia mempunyai fungsi yang lebih daripada **serta**. Contoh penggunaan **serta** terdapat dalam ayat berikut:

- (21) TB 173 (Contoh penggunaan **serta** dalam penggandingan dua klausa pada predikat)

Sementara itu di Kuala Lumpur, Penasihat agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata wang ihsan itu diperoleh melalui sumber yang sah serta menepati hukum syarak, bukan dirampas daripada mana-mana pihak.

Analisis taburan kekerapan kata hubung **tentangan** mendapati kata hubung **tetapi** paling kerap ditemui iaitu sejumlah 200 atau 0.22 peratus, manakala kata hubung **walaupun** paling sedikit ditemui iaitu sebanyak 94 atau 0.10 peratus.

- (22) TU 079 (Contoh penggunaan **tetapi**)

Beliau menambah pegangan kerajaan Malaysia ialah tidak menjadi kesalahan mana-mana kumpulan atau kedutaan asing mengumpulkan maklumat keadaan dalam sebuah negara tetapi ia tidak sepatutnya melibatkan isu politik dalam negara itu yang bertentangan dengan etika diplomatik.

(23) TU 010 (Contoh penggunaan **walaupun**)

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, UMNO akan meneruskan perbincangan penyatuan orang Melayu dengan Pas walaupun rundingan insiatif UMNO itu ditolak oleh Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Analisis kata hubung sebab-musabab menunjukkan kata hubung kerana mencatatkan sebanyak 392 atau 0.43 peratus.

(24) TB 140 (Contoh penggunaan **kerana**)

Dr. Mahathir berkata, UMNO sedar dalam sistem demokrasi, perlu ada pembangkang dan ia sama sekali tidak berniat menghapuskan pembangkang kerana pembangkang berguna bagi mengkritik kerajaan jika kerajaan membuat kesalahan.

Analisis kata hubung tujuan mendapati kata hubung untuk paling kerap ditemui iaitu sejumlah 734 atau 0.80 peratus, manakala kata hubung agar paling kurang ditemui iaitu sebanyak 42 atau 0.05 peratus.

(25) TB 133 (Contoh penggunaan **untuk**)

Semalam, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata biro politik UMNO belum membuat keputusan mengenai siapa yang akan menganggotai panel bagi mewakili parti itu untuk mengadakan perbincangan terbuka dengan Pas pada 19 Februari ini.

(26) TU 080 (Contoh penggunaan **agar**)

Dr. Mahathir juga mengingatkan ahli-ahli UMNO agar tidak terpedaya dengan hujah-hujah para pemimpin Pas dalam ceramah anjuran parti tersebut.

Analisis kata hubung waktu menunjukkan taburan kekerapan iaitu kata hubung **selepas** paling banyak ditemui iaitu sejumlah 210 atau 0.23 peratus, manakala kata hubung **setelah** (27 atau 0.03 peratus), **kemudian** (31 atau 0.03 peratus) dan **sambil** (34 atau 0.04 peratus) pula paling sedikit ditemui. Ketiga-tiga kata hubung ini iaitu **setelah**, **kemudian** dan **sambil** merupakan item yang paling kurang taburan kekerapannya dalam keseluruhan kategori kata hubung.

Item kata hubung **selepas** paling kerap ditemui kerana kata hubung ini membawa pengertian melakukan perbuatan lain sesudah selesainya perbuatan yang sedang dilakukan dalam satu jangka masa yang berterusan. Ayat dalam wacana berita sering memaparkan berlakunya dua peristiwa atau perbuatan dalam satu jangka masa tertentu. Item ini juga digunakan untuk menyatakan tempoh berlakunya sesuatu peristiwa. Contoh penggunaan **selepas** dapat dilihat dalam ayat berikut:

- (27) TU 021 (Contoh penggunaan **selepas** bagi menandakan berlangsungnya dua perbuatan)

Bercakap kepada pemberita **selepas** mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan MCA Selangor beliau berkata, urusan perlantikan anggota parti itu ke dalam barisan kabinet adalah hak penuh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

- (28) TU 035 (Contoh penggunaan **selepas** bagi menandakan tempoh berlakunya sesuatu peristiwa)

Selepas lima hari pertemuan penyatuan Melayu antara UMNO dan Pas yang dijadualkan pada 19 Februari lalu tertangguh, Presiden Pas, datuk Fadzil Noor berkata, beliau tidak nampak pertemuan kedua-dua parti itu akan menjadi kenyataan.

Item kata hubung **setelah**, **kemudian** dan **sambil** paling kurang ditemui dalam korpus wacana. Ketiga-tiga item ini mempunyai komponen makna + waktu. Misalnya kata hubung **sambil** mempunyai makna “dan pada waktu itu”. Contoh penggunaan kata hubung **setelah**, **kemudian** dan **sambil** terdapat dalam ayat-ayat berikut:

(29) TB 104 (Contoh penggunaan **setelah**)

Sekarang, katanya, orang Melayu sendiri mahu berunding untuk menyatu sesama sendiri setelah berlaku perpecahan dan usaha murni ini perlu menerima sokongan semua orang Melayu.

(30) TB 114 (Contoh penggunaan **kemudian**)

“Saya sibuk dan sepatutnya boleh duduk saja kat pejabat. **Macam hari ini, saya cuma ada sejam di pejabat, itupun ada orang datang dan kemudian terpaksa menghadiri majlis.** Hingga sekarang belum balik dan malam ini ada lagi.

(31) TU 039 (Contoh penggunaan **sambil**)

Sementara itu, ketua pasukan doktor yang merawat lebih 40,000 pelarian yang terkandas di Kalimantan Tengah hari ini merayu bantuan antarabangsa sambil memberi amaran penyebaran wabak penyakit akan tercetus, kecuali jika bantuan diterima secepat mungkin.

Kata hubung syarat memberikan analisis taburan kekerapan yang paling tinggi untuk kata hubung **jika** iaitu sejumlah 188 atau 0.21 peratus, manakala paling rendah untuk kata hubung **kalau** iaitu sebanyak 91 atau 0.10 peratus. Contoh penggunaan kata hubung **jika** dan **kalau** terdapat dalam ayat-ayat berikut:

(32) TU 079 (Contoh penggunaan jika)

Ketika menjawab satu pertanyaan, Syed Hamid berkata pihaknya akan menghantar bantahan rasmi, jika perwakilan asing di negara ini terus menghadiri perjumpaan tertutup sedemikian rupa.

(33) TB 168 (Contoh penggunaan kalau)

“Saya nak terangkan apa sebenarnya yang berlaku. Selepas itu, kalau dia nak terima atau tidak, itu dia punya pasal … saya cuma tulis surat peribadi saya,” katanya.

Analisis terhadap kata hubung relatif menemui kata hubung yang.

Item ini merupakan item yang paling tinggi taburan kekerapannya secara keseluruhan dalam kategori kata hubung iaitu sejumlah 2038 atau 2.23 peratus.

Item kata hubung relatif yang paling kerap ditemui dalam korpus data kerana kata relatif ini dalam laporan berita bertindak sebagai klausa relatif. Dengan adanya klausa relatif ini, maka bahasa laporan berita menghindari penggunaan ayat selapis. Ini bermakna beberapa ayat selapis boleh digabungkan menjadi ayat majmuk dengan menggunakan teknik berkenaan (Asmah, 1987: 60). Wartawan dalam penulisan berita banyak menggunakan ayat majmuk, dengan itu kata hubung relatif yang kerap digunakan. Contoh penggunaan yang terdapat dalam ayat berikut:

(34) TB 132 (Contoh penggunaan yang)

Dr. Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup dengan UMNO Bahagian Beaufort dan Sipitang. Hadir sama Osu dan Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaacob.

(35) TU 095 (Contoh penggunaan yang)

Pada sidang akhbar itu, beliau mendedahkan **satu kumpulan sulit yang dianggotai oleh lebih 20 orang aktivis reformasi** yang telah diwujudkan bagi mencetuskan demonstrasi jalanan besar-besaran bercorak militan menjelang pilihan raya umum 2004.

Analisis terakhir dalam kategori kata hubung ialah terhadap **kata hubung komplemen**. Kata hubung ini terdiri daripada kata hubung **bahawa** yang mencatatkan sebanyak 171 atau 0.19 peratus. Kata hubung ini jarang ditemui dalam wacana berita berbahasa Melayu mungkin disebabkan fungsi kata hubung ini terhad kepada memperlengkap sesuatu ayat seperti yang dapat dilihat dalam contoh berikut:

(36) TB 173 (Contoh penggunaan bahawa)

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Idris Jusoh semalam **bahawa** rakyat Terengganu sekali lagi dikelirukan dengan ucapan beberapa pemimpin Pas negeri yang mendakwa pemberian wang ihsan daripada Kerajaan Pusat bagi menggantikan royalti, adalah haram.

5.4 KESIMPULAN

Analisis taburan kekerapan yang dilakukan terhadap dua (2) jenis alat kohesif yang dikaji iaitu **rujukan** dan **kata hubung** menunjukkan kedua-dua alat kohesif tersebut mempunyai taburan kekerapan yang sama banyak iaitu sebanyak 7.65 peratus bagi item rujukan dan sebanyak 7.60 peratus bagi item kata hubung. Ini menunjukkan kedua-dua alat kohesif tersebut memainkan peranan yang sama penting bagi mewujudkan kohesi teks.

Merujuk kepada analisis yang dilakukan terhadap item **rujukan** didapati rujukan diri paling banyak ditemui iaitu sebanyak 3.81 peratus dan diikuti oleh rujukan penunjuk sebanyak 3.14 peratus dan paling kurang ialah rujukan perbandingan iaitu sebanyak 0.70 peratus. Dalam jenis **rujukan diri** didapati rujukan diri orang lebih kerap ditemui (3.32 peratus) berbanding dengan rujukan diri tanya (0.48 peratus). Dalam jenis **rujukan penunjuk** didapati rujukan ukuran jarak jauh lebih kerap ditemui (2.01 peratus) berbanding dengan rujukan ukuran jarak dekat (1.13 peratus). Dalam jenis **rujukan perbandingan** didapati rujukan perbandingan kuantiti dan kualiti lebih kerap ditemui (0.44 peratus) berbanding dengan rujukan perbandingan persamaan dan perbezaan (0.26 peratus). Pada keseluruhannya, item **kata ganti nama penunjuk** ‘itu’ merupakan item rujukan yang paling kerap ditemui jika dibandingkan di antara ketiga-tiga jenis rujukan tersebut iaitu sebanyak 2.01 peratus. Ini diikuti oleh item **kata ganti nama penunjuk** ‘ini’ iaitu sebanyak 1.13 peratus, manakala item yang paling kurang ditemui ialah item **kata ganti nama diri orang kedua** ‘kamu’ iaitu sebayak 0.01 peratus.

Analisis terhadap item **kata hubung** mendapati kata hubung tambahan merupakan kata hubung yang paling banyak ditemui iaitu sebanyak 2.32 peratus dan diikuti oleh kata hubung relatif iaitu sebanyak 2.23 peratus. Kata hubung komplemen merupakan kata hubung yang paling kurang ditemui iaitu sebanyak 0.19 peratus. Pada keseluruhannya, item **kata hubung relatif** ‘yang’ merupakan item kata hubung yang paling kerap ditemui jika dibandingkan di antara kelapan-lapan jenis kata hubung tersebut iaitu sebanyak 2.23 peratus. Ini diikuti oleh item **kata hubung tambahan** ‘dan’ iaitu sebanyak 1.93 peratus, manakala item yang paling

kurang ditemui ialah item kata hubung waktu ‘ kemudian’ dan ‘setelah’ iaitu sebanyak 0.03 peratus.

Dalam bab ini telah ditunjukkan taburan kekerapan alat kohesif rujukan dan kata hubung, dan sekarang saya akan beralih ke bab seterusnya iaitu Bab 6 yang akan membentangkan hasil analisis kohesi rujukan dan Bab 7, yang membentangkan hasil analisis kohesi kata hubung.